

# Persaingan tingkatkan mutu

KUALA LUMPUR, Selasa - Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) masih memerlukan saingan supaya ia sentiasa berusaha meningkatkan mutu siaran dan perkhidmatan kepada orang ramai, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, kehadiran stesen televisyen swasta di negara ini seperti TV3 dan yang terbaru, Metrovision Channel 8, tidak akan memberi ancaman kepada RTM kerana mereka mempunyai pendekatan dan fungsi berbeza.

"Kehadiran stesen televisyen swasta membolehkan orang ramai membuat pilihan siaran mana yang ingin mereka ikuti. Saya tidak nafikan sedikit sebanyak mesti ada perbezaan dalam pendekatan.

"Tetapi bagi saya, kehadiran stesen televisyen swasta akan memberikan persaingan sihat kepada RTM terutamanya dalam mendorong jentera kerajaan itu meningkatkan mutunya. Bagaimanapun, saya gembira dengan prestasi RTM," katanya.

Perdana Menteri memberitahu pemberita de-

mikian dalam sidang akhbar selepas melawat Angkasapuri sempena pelancaran kempen 'Budi dan Jasa' hari ini. Turut hadir ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat.

Terdahulu, Perdana Menteri menyaksikan konsert 'Kecemerlangan Malaysia' yang berlangsung selama lebih sejam yang meliputi nyanyian rangkaian lagu oleh artis terkemuka tanahair, dikir barat, sajak, koir serta pertunjukan tarian kebudayaan.

Dr Mahathir juga melancarkan tambahan ma-

sa siaran radio bagi empat saluran radio iaitu saluran empat, lima, enam dan tujuh, yang bermula hari ini.

Bagi saluran empat (bahasa Inggeris) dan saluran lima (bahasa Cina), masa siarannya dilanjutkan selama 24 jam sehari berbanding 14 jam sehari sebelum ini.

Masa siaran radio bagi saluran enam (bahasa Tamil) pula dilanjutkan selama 20 jam sehari berbanding 18 jam sebelum ini, manakala saluran tujuh (siaran orang Asli) ditambah empat kepada enam jam sehari.